

15 Ogos 2019

**ICI Ref: R9285/13-7/IOI Corporation Berhad – Morisem Grouping Penilaian Pengawasan Tahunan (ASA-01)**

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

**Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Pengawasan Tahunan (ASA-01) RSPO ke atas IOI Corporation Berhad (Nombor Keahlian RSPO: 2-0002-04-000-00), Unit Pengurusan Ladang – PMU Morisem grouping, Lahad Datu, Sabah, Malaysia**

IOI Corporation Berhad telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Unit Pengurusan Ladang PMU, Morisem Grouping bagi memenuhi keperluan *Rountable on Sustainable Oil Palm*, Prinsip dan Kriteria (RSPO P&C 2013) dan selaras dengan Interpretasi Kebangsaan Malaysia (MYNI 2014) dan RSPO SCCS 2017 bagi Kilang Minyak Kelapa Sawit.

Intertek Certification International merancang untuk menjalankan Penilaian Pengawasan Tahunan (ASA-01) IOI Corporation Berhad Unit Pengurusan Ladang PMU, Morisem Grouping pada 17 – 21 September 2019.

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan RSPO P&C, MYNI dan RSPO SCCS secara berterusan dan bagi mendapatkan maklumbalas, Intertek Certification International ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian IOI Corporation Berhad Unit Pengurusan Ladang PMU, Morisem Grouping. Unit bagi pensijilan ini terletak di Lahad Datu, Sabah.

Secara ringkas, IOI Corporation Berhad telah menjadi ahli RSPO dari 17 Mei 2004 dan komited untuk mematuhi sepenuhnya RSPO P&C dan juga pensijilan penuh di dalam semua aspek operasinya. IOI Corporation Berhad (IOI) memiliki dan mengendalikan 12 buah kilang kelapa minyak sawit dan 77 estet di seluruh Malaysia. Demi keberkesanan pengurusan dan kos, ladang-ladang dan kilang sawit IOI Corporation Berhad beroperasi dalam struktur organisasi yang meliputi Unit Pengurusan Ladang, zon-zon dan wilayah.

Butiran lanjut kilang memproses dan ladang kelapa sawit untuk penilaian adalah berikut:

**PMU: Morisem Grouping**

Nama	Lokasi	Rujukan GPS	
		Latitud	Longitud
Kilang Kelapa Sawit Morisem - POM (Kapasiti: 105 TM/jam)	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	5°29'38.65"N	118°22'8.54"E
1. Morisem 1	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	5°29'24.00"N	118°19'12.00"E
2. Morisem 2	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	5°27'36.00"N	118°21'36.00"E
3. Morisem 3	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	5°30'0.00"N	118°19'48.00"E
4. Morisem 4	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	5°20'24.00"N	118°20'24.00"E
5. Leepang 2	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	5°30'36.00"N	118°22'48.00"E
6. Leepang 3	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	5°31'48.00"N	118°23'24.00"E
7. Leepang 4	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	5°32'60.00"N	118°22'12.00"E



Nama Estet	Alamat	Tanaman Menghasilkan (Ha)*	Tanaman Belum Menghasilkan (Ha)*	Ringkasan Kawasan*		Pengeluaran Tahunan BTS (Ton)
				Disahkan (Ha)	Ditanam (Ha)	
Morisem 1	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	1,896.00	-	2032.00	1896.00	52,519.25
Morisem 2	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	1,852.00	-	2042.14	1852.00	33,564.73
Morisem 3	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	1,331.00	481.00	2013.70	1812.00	25,600.43
Morisem 4	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	1,504.00	383.00	2023.00	1887.00	31,682.33
Leepang 2	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	1,637.00	325.00	2159.19	1962.00	41,323.80
Leepang 3	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	1,838.00	-	1914.43	1838.00	34,272.37
Leepang 4	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	1,354.00	-	1425.21	1354.00	33,961.80
<b>Jumlah</b>		<b>11,412.00</b>	<b>1,189.00</b>	<b>13,609.67</b>	<b>12,601.00</b>	<b>252,924.71</b>

\* FY 2018

Nama Kilang	Alamat	Pengeluaran Tahunan*		Kapasiti Kilang (Tan / Jam)
		CPO (Tan)	PK (Tan)	
Kilang Kelapa Sawit Morisem - POM	MDLD 5123, KM 2, Jalan Segama, Locked bag No. 15, 91109 Lahad Datu, Sabah.	57,747.00	12,899.00	105

\* FY 2018

Intertek Certification International Sdn Bhd [dahulu dikenali sebagai Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd] adalah sebahagian daripada Intertek Group, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO SCC, ISCC, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia.



Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.

Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai**
  - En. Augustine Loh (Kilang Kelapa Sawit, Gunatanah, Aspek Undang-Undang, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu dan Rantaian Perolehan di Kilang)
- **Penilai**
  - En. Sazali Hasni (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Alam Sekitar dan HCV / Konservasi)
  - En. Jumat Majid (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Sosial, Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan)
  - En. Mohamad Amirul Saifullah (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan dengan penilaian
- Pemeliharaan biodiversiti
- Pembangunan komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

Mr. Augustine Loh  
RSPO Program Manager  
Intertek Certification International Sdn Bhd  
D-28-3, Level 28, Menara Suezcap 1  
No. 2, Jalan Kerinchi, Gerbang Kerinchi Lestari  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-7931 0032 Fax: 03-7931 0419  
Email: augustine.loh@intertek.com

Mr. William Siow Kar Dat  
Sustainability Manager  
IOI Corporation Berhad  
Level 29, IOI City Tower 2, Lebuhr IRC,  
IOI Resort City,  
62502 Putrajaya, Malaysia  
Tel: 03-8947 8888 Fax: 03-8947 8989  
Email: william.siow@ioigroup.com

Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,

---

Augustine Loh  
RSPO Program Manager  
Intertek Certification International Sdn Bhd